

DATE: 28/11/2007

ISA diguna bila wajar – PM

Oleh NIZAM YATIM

UM-28/11/2007

SUBANG 27 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menangani perhimpunan haram apabila keadaan memerlukan untuk tindakan sedemikian.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun buat masa ini kerajaan masih menyerahkan kepada pihak polis untuk membuat penilaian dan mengambil tindakan wajar bagi menjamin keselamatan negara.

“ISA adalah satu tindakan pencegahan supaya kita dapat pelihara negara kita daripada berlaku sesuatu yang tidak baik yang boleh jejakkan keamanan, jadi saya tak tahulah (bila akan digunakan), tapi ISA tetap ada dan bila wajar digunakan akan digunakan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebaik tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang sekembalinya daripada lawatan ke Mesir dan menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Uganda di sini hari ini.

Abdullah mengulas perhimpunan haram yang dianjurkan oleh Hindu Rights Action Force (Hindraf) Ahad lalu yang bertukar menjadi ganas, tidak seperti yang dijanjikan oleh pengajurnya dengan penyokong pertubuhan itu bertindak agresif melontar batu dan besi ke arah polis.

Kumpulan itu yang berpecah di beberapa lokasi di Jalan Ampang, Jalan Tun Razak dan Jalan Yap Kwan Seng sejak pukul 6.30 pagi tidak mengendahkan nasihat polis untuk bersurai, turut mengeluarkan kata-kata kesat dan berbau perkauman.

Terdapat laporan beberapa siri perhimpunan haram oleh Hindraf akan diadakan lagi bulan depan bagi meneruskan tuntutan mereka.

Dalam pada itu, Abdullah yang dimaklumkan rasa tidak berpuas hati sesetengah pihak kononnya kerajaan terlalu berlembut terhadap Hindraf dan mahukan langkah tegas termasuk ISA dikenakan, beliau yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata: “Yakah, saya sangat terkejut kerana ada orang mahukan ISA, saya ingat mereka tidak mahu ISA.”

Menurut Perdana Menteri, perhimpunan haram yang dianjurkan oleh Hindraf dan beberapa perhimpunan lain sebelum itu

diadakan berikutan terdapat tanggapan bahawa pilihan raya umum semakin hampir.

“Mereka anggap pilihan raya dah dekat, jadi timbullah bermacam-macam tuduhan kepada kerajaan. Tuduhan seperti ini bila dekat dengan pilihan raya, memang berlaikulu dulu,” jelasnya.

Mengenai kandungan memorandum Hindraf yang antara lain mendakwa UMNO menjadi dalang kepada pembunuhan 100 orang India di Kampung Medan pada tahun 2001, Abdullah menegaskan: “Dia kata orang UMNO bunuh, tak apa, UMNO kena ambil tindakan kalau macam itu.”

“100 orang UMNO yang bunuh, kita nak tahu mana bukti dia, ini tuduhan yang berat. Orang UMNO itu orang Melayu, bunuh 100 orang India, betulkah, awak (wartawan) pun tak tahu.”

Memorandum itu yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Britain, Gordon Brown dan ditandatangani penasihat undang-undang Hindraf, P. Uthayakumar dan dipapar dalam blog mereka antara lain turut meminta kerajaan Britain merujuk Malaysia ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) kerana melakukan jenayah terhadap kaum minoriti India.

Pampasan


Perdana Menteri menambah, beliau juga dimaklumkan Hindraf telah meminta pampasan berjumlah trilion pound daripada kerajaan Britain atas dakwaan mengeksploitasi kaum India sebagai buruh.

“Mereka nak minta sekian banyak wang, itu yang janji tiap-tiap orang India akan dapat RM1 juta. Suruh dia janji kepada semua orang India, mereka boleh sokong dia, semua akan dapat seorang sejuta, kayalah, Hindraf pandaikan,” ujarnya.

Menurut Abdullah, beliau turut kesal kerana segala dakwaan tidak berasas seperti yang terkandung di dalam memorandum itu telah disebar di dalam Internet.

“Kebebasan Internet sekarang ini sudah buat tuduhan yang bukan-bukan.”

“Saya tak mahu mereka melakukan ini semua, saya tahu mereka nak buat apa, tetapi kalau mereka muat turun, siar dan sebar risalah yang membuat tuduhan seperti ini, sudah tentulah tindakan boleh diambil,” tegasnya.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama isteri, Jeanne Abdullah memotong kek hari jadinya yang ke-68 diikuti Pengerusi Pekida Daerah Lembah Pantai, Zakaria Awang (dua dari kiri) dan Pengarah Perhubungan Awam Syarikat Hankyu Cargo, Nasir Ghani yang mempunyai tarikh lahir yang sama di Pangkalan TUDM Subang, semalam.

Ditanya tindakan ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dari Cameron Highlands, S. K. Jeyaretnam yang mempersalahkan dasar kerajaan yang dikatakan meminggir kaum India, Abdullah berkata, kerajaan bersikap adil dalam melaksanakan dasarnya tanpa bertumpu kepada satu kaum sahaja.

“Kita tahu apa yang kita laksanakan tak semestinya sentiasa 100 peratus orang suka. Kita nak pastikan ia datang daripada segi pengagihan supaya pembangunan disebarkan ke seluruh negara dan ini mesti menjadi satu usaha kita semua, bukan hanya kerajaan,” jelasnya.